

Apa itu Had Lawatan Pihak Ketiga?

Had Lawatan Pihak Ketiga (TPVL) adalah perlindungan sosial yang diperkenalkan oleh Majlis Kebangsaan mengenai Masalah Perjudian (NCPG) untuk melindungi individu yang mengalami masalah kewangan yang mengunjungi kasino. Perjudian boleh bertukar menjadi ketagihan dan menyebabkan masalah kewangan yang serius sekiranya lawatan ke kasino berterusan.

Jika anda seorang Warga Singapura atau Penduduk Tetap yang mengunjungi kasino tempatan, anda mungkin menerima surat daripada NCPG untuk menjalani penilaian keadaan kewangan anda. Individu yang didapati berpotensi mengalami masalah kewangan atau mempunyai rekod kredit yang lemah akan dikenakan Had Lawatan Pihak Ketiga.

Perintah Pengecualian Pihak Ketiga boleh dikenakan bagi kes-kes yang lebih serius.

? SOALAN YANG SERING DITANYA

Bagaimana saya boleh mengisytiharkan keadaan kewangan saya?

- Melalui SingPass di <https://icis-services.ncpg.org.sg>
- Hubungi NCPG untuk membuat temujanji di **6354 8154**

Jika anda dipanggil untuk mengisytiharkan keadaan kewangan anda tetapi gagal untuk melakukannya, anda masih boleh dikenakan had lawatan atau perintah pengecualian berdasarkan maklumat yang NCPG ada.

Mengapa saya perlu menyediakan dokumen kewangan saya kepada NCPG?

Segala dokumen kewangan yang diserahkan akan membantu NCPG menilai keadaan kewangan anda secara objektif dan holistik.

Apa dokumen kewangan yang perlu saya serahkan?

Dokumen seperti Notis Taksiran IRAS yang terkini, laporan kredit, penyata bank dan CPF. Semua dokumen yang diserahkan akan hanya digunakan bagi tujuan menilai keadaan kewangan anda di bawah rejim Had Lawatan Pihak Ketiga.

Anda boleh membuat penyerahan dokumen kewangan anda secara dalam talian melalui MyInfo.

SEMUA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN AKAN DIRAHSIAKAN.



Ketahui Lebih Lanjut Mengenai Had Lawatan Pihak Ketiga



Pejabat kami terletak di:

Majlis Kebangsaan terhadap Masalah Perjudian
510 Thomson Road, #05-01, Bangunan SLF,
Singapura 298135

Waktu Operasi:

Isnin hingga Khamis: 8.30 pagi – 6.00 petang
Jumaat: 8.30 pagi – 5.30 petang
Tutup pada hujung minggu dan cuti umum

Pertanyaan dan Temu Janji:

Tel: 6354 8154
Emel: admin@ncpg.org.sg

Di mana saya boleh dapatkan bantuan?

Talian Bantuan Masalah Perjudian Kebangsaan di 1800-6-668-668 atau Webchat di www.ncpg.org.sg,
8 pagi hingga 11 malam setiap hari

Proses Had Lawatan Pihak Ketiga



START

1 Surat pemberitahuan

Anda menerima surat ini kerana NCPG mendapati anda kerap mengunjungi kasino.

2 Penyerahan Dokumen

Sila serahkan semua dokumen yang ada kaitan dengan keadaan kewangan anda supaya NCPG boleh memutuskan secara objektif sekiranya perintah pengecualian harus dikenakan.

4 Perintah yang Dicapangkan

Anda boleh memilih untuk

Menerima Menolak

Jika anda tidak membantah, anda akan menerima surat selepas 14 hari.

Tiada Perintah *

CoA tidak akan mengenakan sebarang perintah ke atas anda. Tiada tindakan lanjut diperlukan.

ATAU



3 Semakan oleh Jawatankuasa Penilai (CoA)

CoA akan menyemak maklumat yang diberikan dan memutuskan jika had lawatan atau perintah pengecualian akan memberi manfaat kepada anda. Seterusnya, anda akan menerima surat perintah yang dicapangkan atau surat tiada perintah.

5 Bantahan terhadap Perintah yang Dicapangkan¹

Anda boleh membuat bantahan dengan mengemukakan permohonan dan memberi dokumen kewangan anda.

6 Semakan oleh Jawatankuasa Penilai (CoA)

CoA akan mempertimbangkan permohonan anda dan membuat keputusan. Anda akan menerima surat (Perintah Pengesahan) mengenai keputusan CoA. Jika perlu, anda juga akan menerima surat rujukan untuk kaunseling.

7 Perintah Pengesahan

Jika anda tidak bersetuju dengan perintah pengesahan, anda boleh membuat rayuan dalam masa 30 hari dari tarikh perintah pengesahan.

ATAU
Tiada Perintah *

8 Rayuan terhadap Perintah Pengesahan¹

Jika anda ingin membuat rayuan, anda boleh menyerahkan permohonan dalam masa 30 hari dari tarikh perintah pengesahan.

11 Perintah Pembatalan/ Perintah Perubahan

Sila hubungi NCPG di **6354 8154** untuk membuat temujanji bagi membatalkan atau mengubah perintah yang dikenakan ke atas anda. Anda akan dirujuk kepada agensi yang kami lantik untuk membuat penilaian dan, jika perlu, anda harus menghadiri sesi kaunseling.

Semua kos akan ditanggung oleh NCPG.

Nota: Anda mungkin diminta untuk menghadiri sesi perbincangan



10 Perintah yang kekal atau berubah

Jika keadaan kewangan anda telah berubah sejak anda dikenakan perintah itu, anda boleh menghubungi NCPG untuk memohon pembatalan/ perubahan kepada perintah itu.

ATAU
Tiada Perintah *

9 Semakan oleh Anggota Majlis NCPG

Anggota NCPG akan menyemak maklumat yang diberikan dan memutuskan jika perintah tersebut memberi manfaat kepada anda atau ianya harus dibatalkan. Anda akan menerima surat keputusan daripada Majlis.

12 Semakan oleh Anggota NCPG

Anggota NCPG akan menyemak maklumat yang diberikan dan memutuskan sama ada perintah tersebut memberi manfaat untuk anda. Anda akan menerima surat keputusan daripada Majlis.



13 Perintah berkekalan atau berubah

ATAU

Perintah pembatalan



Satu sesi temuduga mungkin dijalankan di pejabat NCPG bagi mengumpul maklumat

¹ Anda boleh membuat penyerahan permohonan melalui:
1) Laman web NCPG menggunakan SingPass
2) Hubungi kami di **6354 8154** untuk membuat temu janji

* Jika anda berterusan mengunjungi kasino, NCPG mungkin akan menghubungi anda pada masa akan datang untuk menilai keadaan kewangan anda sekali lagi walaupun Tiada Perintah diberikan kepada anda sebelum ini.



Mengira Had Lawatan Anda

1 Lawatan = 24 Jam di 1 Kasino [Dari waktu anda pertama kali masuk kasino pada hari tersebut]

Contoh: Puan Ng mempunyai Had Lawatan Pihak Ketiga sebanyak **2 lawatan setiap bulan**. Tanpa mengira jumlah keluar masuk kasino yang sama dalam **tempoh 24 jam** dan jenis levi yang dimilikinya (levi harian atau levi tahunan), jumlah lawatan yang dibenarkan untuk Puan Ng adalah dua.

Nota: Untuk mengelak daripada melebihi Had Lawatan Pihak Ketiga anda, anda dinasihatkan supaya mencatat rekod lawatan anda secara manual.

Senario Had Lawatan:

Legenda

Kasino A

Kasino B

- 1

Mei 1

Mei 2

9:00AM

Masuk

8:59AM

Keluar

1 Lawatan Terpakai

1 Lawatan Berbaki
- 2

Mei 1

Mei 2

9:00AM

Masuk

9:30AM

Keluar

2 Lawatan Terpakai

0 Lawatan Berbaki

Lawatan bermula dari 9.00am pada 1 Mei dan berakhir pada 8.59am pada 2 Mei. Lawatan ke-2, yang bermula pada 9.00am pada 2 Mei akan berakhir pada 8.59am pada 3 Mei.
- 3

Mei 31

Jun 1

10:00PM

Masuk

11:59PM

Keluar

1 Lawatan Terpakai in Mei

1 Lawatan Terpakai in Jun

Lawatan bermula dari 10.00pm pada 31 Mei dan berakhir pada 9.59pm pada 1 Jun. Lawatan bulan Jun, yang bermula pada 10.00pm pada 1 Jun akan berakhir pada 9.59pm pada 2 Jun.
- 4

Mei 31

10:00AM

Masuk

12:00PM

Keluar

2:00PM

Masuk

4:00PM

Keluar

2 Lawatan Terpakai

0 Lawatan Berbaki

Lawatan sudah terpakai apabila seseorang memasuki kasino yang berbeza. Oleh itu, jika Puan Ng memasuki kedua-dua kasino pada hari yang sama, dia telah menggunakan 2 had lawatan.
- 5

Mei 29

Mei 30

9:00AM

Masuk

8:59AM

Keluar

2:00PM

Masuk

5:00PM

Keluar

6:00PM

Masuk

2 Lawatan Terpakai

0 Lawatan Berbaki

1 Pelanggaran

Lawatan ke-2 ke Kasino A seharusnya berakhir pada 1.59pm on 31 May. Lawatan ke-3 ke Kasino B dianggap sebagai pelanggaran had lawatan dan ianya satu kesalahan.